

12 JUN 2001

Abdullah-Media

AGENSI K'JAAN PERLU ADAKAN TAKLIMAT BAGI MEDIA, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mencadangkan supaya Kementerian dan agensi-agensi kerajaan mengadakan taklimat bagi media sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan bagi menerangkan sesuatu isu yang memerlukan kefahaman orang ramai.

Timbalan Perdana Menteri berkata, taklimat itu juga bagi mengelakkan kenyataan bercanggah, maklumat yang silap atau kurangnya kefahaman mengenai sesuatu masalah atau situasi yang timbul.

"Saya ingin menyeru semua Kementerian dan agensi kerajaan supaya meneliti semula cara atau mekanisme saluran maklumat masing-masing," katanya ketika berucap di majlis penyampaian sijil piawaian antarabangsa ISO 9002 kepada Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) di sini.

Beliau berkata pegawai atau jurucakap yang memberi kenyataan mestilah dilatih supaya mereka cekap dan yakin dalam menghadapi soalan daripada orang ramai atau pihak media terutama mengenai keadaan krisis.

Beliau memberi contoh, semasa krisis ekonomi lepas, berita ekonomi yang dikeluarkan Bernama dan media tempatan lain telah membantu memberi gambaran sebenar mengenai situasi kewangan dan ekonomi negara sehingga dapat memberi keyakinan kepada rakyat tentang kedudukan ekonomi dan kewangan negara.

"Kita sama-sama fahami kenyataan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa kegawatan ekonomi...dengan kefahaman yang baik dan jelas itu, senangnya kita yakinkan pelabur. Oleh itu kita dapati keadaan kita tidaklah teruk seperti di negara lain," katanya.

Abdullah turut menekankan pentingnya maklumat yang disalurkan kepada media itu jelas supaya tidak menimbulkan kekeliruan yang akan hanya menjejaskan usaha dan kewibawaan kerajaan.

"Dalam zaman teknologi moden ini, sebarang maklumat sama ada betul atau salah, senang sahaja diedarkan melalui Internet."

"Oleh itu kecekapan menyalurkan maklumat yang tepat dan cepat oleh agensi kerajaan dapat membanteras sebarang kesangsian atau khabar angin," katanya.

Sambil mengucapkan tahniah kepada pengurusan dan petugas Bernama kerana menjadi agensi berita pertama di dunia untuk mendapat pensijilan ISO, beliau berharap Bernama akan terus memainkan peranan besar sebagai saluran bagi kerajaan menyampaikan maklumat mengenai dasar-dasarnya kepada rakyat dan membantu memupuk integrasi nasional.

Mengulas lanjut mengenai cadangan yang dikemukakan sebelum ini, Abdullah berkata rakyat kini menuntut untuk mendapat sebanyak mungkin maklumat mengenai sesuatu isu yang berlaku.

Oleh itu adalah lebih baik taklimat sebulan sekali atau dua minggu sekali itu diadakan antara Kementerian, agensi kerajaan dan media.

Ketika ditanya bahawa media sering menghadapi masalah mendapatkan maklumat daripada Menteri atau pegawai atasan sesebuah Kementerian atau agensi itu, beliau berkata masalah itu akan dimaklumkan kepada pihak-pihak terbabit semasa mana-mana perjumpaan diadakan dengan mereka.

Pada majlis itu, Abdullah turut melawat bilik berita, Unit Foto, Unit Audio Visual dan Perpustakaan Bernama.

-- BERNAMA

NZ DC AZZ PR